

# Najib terkejut keputusan mahkamah

Bekas Perdana Menteri jangka dibebaskan daripada semua tuduhan

Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahr  
fatin@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terkejut dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang memerintahkan beliau membeli diri atas semua tuduhan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram yang dihadapinya membabitkan dana SRC International Sdn Bhd (SRC).

Peguam beliau, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata bekas Perdana Menteri itu menjangkakan dibebaskan daripada semua tuduhan dihadapinya di peringkat pendakwaan berikutan hujahan bantahan sudah dikemukakan dalam prosiding.

"Pihak pembelaan mengharapkan pembebasan pada peringkat ini kerana yakin bahawa hujahan dikemukakan di mahkamah sama adalah sangat baik dan fleksibel.

"Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Tinggi bagi kes ini mempunyai pendapat sendiri dan perkara seperti ini sukar untuk diramalkan kerana pandangan se-

tiap individu berbeza.

"Namun demikian, perbicaraan ini boleh dijadikan peluang untuk masyarakat mendengar kisah sebenar daripada Najib mengenai SRC," katanya di luar mahkamah.

Muhammad Shafee berkata, pihaknya akan memanggil beberapa saksi profesional untuk memberi keterangan semasa peringkat

## Dr Mahathir secara sinis kata lebih terkejut

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad secara sinis berkata beliau lebih terkejut apabila mendengar Datuk Seri Najib Razak terkejut dengan keputusan mahkamah yang memerintahkan beliau membeli diri membabitkan kes dana SRC International Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata, seluruh dunia tahu pembabitkan Najib dalam kes itu dan beliau diadapakan ke mahkamah kerana kerajaan menghormati kedaulatan



Najib hadir bagi keputusan kes SRC International, di Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Syarafiq Abd Samad/BH)

pembelaan namun identiti mereka dirahsiakan.

Terdahulu, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Gha-

zali yang membaca ringkasan keputusan itu selama kira-kira sejam memerintahkan Najib membela diri atas tujuh tuduhan salah

undang-undang.

"Perbicaraan (Najib) mengambil masa berbulan-bulan. Itulah cara kita (PH) mentadbir kerajaan, ...bukan seperti mereka (Barisan Nasional), menahan (Datuk Seri) Khairuddin Abu Hassan (bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan) dan peguamnya, Matthias Chang tanpa sebab.

"Itulah cara mereka, menahan tanpa bertanya tetapi Najib melalui prosedur yang berjalan lancar, diberi ikat jamin malah ber-

peluang pergi berkempen (Pilihan Raya Kecil).

"Seperti hari itu, Najib alami sakit mata tetapi masih boleh pergi kempen (di Tanjung Piai) tetapi pergi mahkamah, tidak boleh pula. Semua ini kerana kita berlembut dan ikut kedaulatan undang-undang," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

guna kuasa, pecah amanah dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM42 juta milik syarikat SRC.

Mahkamah menetapkan 3, 4, 9 hingga 12 dan 16 hingga 19 Disember ini untuk Najib dibicarakan.

Sementara itu, menerusi kenyataan di Facebook, Najib menyifatkan keputusan hakim yang memerintahkan beliau membela diri adalah peluang untuk 'membersihkan' namanya di mahkamah.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, dengan perintah itu pihaknya boleh memanggil saksi pembelaan.

Sebelum ini, katanya hanya saksi pendakwaan dipanggil memberi keterangan di depan hakim.

"Inilah peluang untuk membersihkan nama saya tidak lama lagi di dalam mahkamah," katanya.